

# Madcat lancar aplikasi permainan Qalifah

**Madcat** World Sdn Bhd (Madcat), syarikat multimedia tempatan, akan melancarkan aplikasi permainan berkonsep Islam yang pertama dihasilkan untuk pengguna laman sosial terkemuka, Facebook menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusannya, Nuraizah Shamsul Baharin, berkata permainan yang dinamakan Qalifah itu menekankan aspek rohani dan mengambil konsep khalifah untuk diterapkan dalam aplikasi berkenaan.

"Kami menetapkan sasaran sehingga 100,000 pengguna yang terdiri daripada golongan kanak-kanak serta remaja berumur antara enam hingga 15 tahun akan menggunakan aplikasi berkenaan selepas ia dilancarkan.

"Melalui Qalifah, ia diharap dapat memberi pengajaran dan dorongan serta didikan kepada golongan sasaran untuk berusaha menjadi pemimpin (Khalifah) di kalangan rakan Facebook, seterusnya dalam komuniti mereka sendiri.

"Dan pada masa yang sama mereka masih boleh meluangkan masa melayari Facebook," katanya kepada *BH* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Madcat adalah syarikat yang membangunkan perkhidmatan mobiliti dan produktiviti bagi pengguna dan perniagaan yang mengutamakan kandungan berunsur Islamik di operator mudah alih dan internet.

Nuraizah berkata, selain Qalifah, pihaknya turut meng-



**“  
Antara yang  
mendapat sambutan  
adalah aplikasi “Go  
Series” yang  
berfungsi sebagai  
rujukan bagi tempat  
pelancongan menarik  
seluruh negara”**

**Nuraizah Shamsul Baharin,**  
*Pengarah Urusan Madcat*

hasilkan lebih 100 aplikasi lain untuk dimuat turun oleh pengguna telefon mudah alih.

"Antara yang mendapat sambutan adalah aplikasi "Go Series" yang berfungsi sebagai rujukan bagi tempat pelancongan yang menarik di seluruh negara.

"Memandangkan pengguna yang memuat turun aplikasi yang dihasilkan syarikat kami datang dari pelbagai negara, maka kami juga mengambil satu langkah ke hadapan dengan menterjemah aplikasi berkenaan kepada bahasa lain.

"Buat permulaan, kami sudah menterjemah ke dalam bahasa Indonesia seterusnya memilih bahasa Mandarin pula untuk menarik lebih ramai pengguna memuat turun aplikasi kami.

"Ia disebabkan pengguna dari China adalah antara yang tertinggi memuat turun aplikasi kami dengan lebih 200,000 pengguna," katanya.